

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (01)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 6 TAHUN 2020**

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2020
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

16 Mac 2020

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (07)

16 Mac 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2020

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2020

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan tarikh pembayaran gaji tahun 2020 Universiti Malaysia Kelantan.
- 1.2 Peraturan ini dilaksanakan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan pembayaran gaji dapat dilakukan mengikut tarikh yang diluluskan bagi mengambilkira kesesuaian dan keperluan staf.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas kerja cadangan tarikh pembayaran gaji bagi tahun 2020 telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan secara edaran pada 02 Januari 2020 dan diperakukan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti secara edaran pada 20 Januari 2020.

3. TARIKH PEMBAYARAN GAJI

3.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

4. ELAUN LEBIH MASA

4.1 Adalah menjadi tanggungjawab staf untuk memastikan bahawa setiap borang tuntutan kerja lebih masa disertakan dengan surat arahan dari Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut tempoh kerja lebih masa yang dijalankan.

4.2 Ketua PTj bertanggungjawab menyemak butiran borang tuntutan kerja lebih masa yang dikemukakan oleh staf serta memastikan baki peruntukan mengurus elaun lebih masa di Fakulti/Jabatan mencukupi.

4.3 Sebarang tuntutan hendaklah diluluskan oleh Ketua PTj sebelum atau pada tarikh seperti di **LAMPIRAN 2**.

4.4 Kegagalan berbuat demikian menyebabkan pembayaran elaun lebih masa tidak dapat diproses dan akan dibayar pada bulan berikutnya.

5. PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC) DAN POTONGAN KELOMPOK

5.1 Bahagian Sumber Manusia hendaklah memastikan bahawa semua maklumat berkaitan pembayaran gaji dan elaun

serta potongan kelompok dikemukakan melalui ROC mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 2**.

5.2 Arahan di perenggan 5.1 yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan akan diproses pada bulan berikutnya.

6. PEMAKAIAN

6.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari
b.p: Naib Canselor

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2020

| Bulan | Tarikh SPANM Bil. 07/2019 | Jarak Bayaran | Cadangan Tarikh | Jarak Bayaran | Justifikasi |
|-----------|---------------------------|---------------|----------------------------|---------------|--|
| Januari | 16.01.2020 (Khamis) | 29 hari | 16.01.2020 (Khamis) | 29 hari | Tahun Baru Cina 25 & 26 Januari 2020 (Sabtu & Ahad) |
| Februari | 24.02.2020 (Isnin) | 38 hari | 20.02.2020 (Khamis) | 34 hari | |
| Mac | 25.03.2020 (Rabu) | 29 hari | 25.03.2020 (Rabu) | 33 hari | |
| April | 23.04.2020 (Khamis) | 28 hari | 23.04.2020 (Khamis) | 30 hari | |
| Mei | 14.05.2020 (Khamis) | 20 hari | 14.05.2020 (Khamis) | 20 hari | Hari Raya Puasa 24 & 25 Mei 2020 (Ahad & Isnin) Hari Pesta Keamatan 30 & 31 Mei 2020 (Sabtu & Ahad) |
| Jun | 22.06.2020 (Isnin) | 38 hari | 18.06.2020 (Khamis) | 35 hari | Hari Gawai 01 & 02 Jun 2020 (Isnin & Selasa) |
| Julai | 23.07.2020 (Khamis) | 30 hari | 23.07.2020 (Khamis) | 34 hari | Hari Raya Haji 31 Julai & 01 Ogos 2020 (Jumaat & Sabtu) |
| Ogos | 25.08.2020 (Selasa) | 32 hari | 25.08.2020 (Selasa) | 32 hari | |
| September | 24.09.2020 (Khamis) | 29 hari | 24.09.2020 (Khamis) | 29 hari | |
| Oktober | 26.10.2020 (Isnin) | 31 hari | 22.10.2020 (Khamis) | 27 hari | |
| November | 25.11.2020 (Rabu) | 29 hari | 25.11.2020 (Rabu) | 34 hari | Hari Deepavali 14 November 2020 (Sabtu) |
| Disember | 17.12.2020 (Khamis) | 21 hari | 17.12.2020 (Khamis) | 21 hari | Hari Raya Krismas 25 Disember 2020 (Jumaat) |

**TARIKH AKHIR KELULUSAN ELAUN KERJA LEBIH MASA
DAN PENGHANTARAN ROC TAHUN 2020**

| BULAN | ELAUN KERJA LEBIH MASA | PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC) |
|--------------|-------------------------------|-------------------------------------|
| Januari | 05.01.2020 (Ahad) | 07.01.2020 (Selasa) |
| Februari | 06.02.2020 (Khamis) | 13.02.2020 (Khamis) |
| Mac | 05.03.2020 (Khamis) | 11.03.2020 (Rabu) |
| April | 07.04.2020 (Selasa) | 13.04.2020 (Isnin) |
| Mei | 04.05.2020 (Isnin) | 05.05.2020 (Selasa) |
| Jun | 07.06.2020 (Ahad) | 08.06.2020 (Isnin) |
| Julai | 08.07.2020 (Rabu) | 13.07.2020 (Isnin) |
| Ogos | 06.08.2020 (Khamis) | 12.08.2020 (Rabu) |
| September | 08.09.2020 (Selasa) | 14.09.2020 (Isnin) |
| Oktober | 08.10.2020 (Khamis) | 12.10.2020 (Isnin) |
| November | 05.11.2020 (Khamis) | 12.11.2020 (Khamis) |
| Disember | 06.12.2020 (Ahad) | 08.12.2020 (Selasa) |